

Banyak budaya orang Melayu diperlekeh

BH - 5/12/2006

S EORANG tokoh akademik Singapura melahirkan kebimbangan usaha dari dalam dan luar negara yang mengancam dasar dan budaya orang Melayu secara sistematik sehingga mempengaruhi bangsa itu sendiri terutama generasi muda.

Prof Madya Shaharuddin Maaruf dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS), berkata banyak tesis dan penerbitan di luar negara mengancam dasar orang Melayu di Malaysia seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), dasar Bumi-putera, Bahasa Melayu, penafian hak menukar agama dan identiti bangsa, hak kahwin campur tanpa menukar agama dan kuota dalam pendidikan.

"Ini semua ancaman kepada orang Melayu sendiri dan ia menyerang terus budaya Melayu secara halus dengan teori yang akan menghakis kewibawaan dan moral budaya Melayu itu sendiri," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pemikiran Datuk Onn-Makna-

nya Dalam Politik Melayu'.

Beliau berkata, takrif Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan yang diserang dan diperlekehkan menerusi penyelidikan dan teori baru sangat merbahaya terhadap hak dan kepentingan Melayu.

Sementara itu, Prof Madya Datuk Zainal Abidin Borhan dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM) mempersoalkan sama ada pemimpin Umno kini tidak lagi berani memperjuangkan apa yang pernah diperjuangkan pemimpin pada zaman Datuk Onn.

"Jika dulu pemimpin Umno seperti Datuk Onn berani bercakap mengenai agama, bangsa dan tanah air secara terbuka tanpa memedulikan perasaan kaum lain tetapi kini, ia tidak lagi berlaku kerana mereka perlu mengambil kira sensitiviti kaum lain," katanya.

Beliau yang membincangkan kertas kerja 'Datuk Onn: Perpaduan Melayu dan Umno'.